

15/08/2000

Kuan Yew mulakan lawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja empat hari ke Malaysia.

Bekas Perdana Menteri Singapura itu berlepas bersama isterinya, Kwa Geok Choo, dari republik itu melalui Tambak Johor dengan menaiki kereta tengah hari ini sebelum meneruskan perjalanan menggunakan Lebuhraya Utara Selatan.

Dalam perjalanan sejauh 314 kilometer itu, Lee, isterinya serta rombongan 10 pegawainya singgah di A'Famosa Resort di Melaka.

Ketibaan mereka di Hotel Mandarin Oriental di sini petang ini disambut oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan isteri, Datin Seri Syarifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Syed Hamid berkata, lawatan itu adalah lawatan kerja bagi Lee yang sudah 10 tahun tidak melawat Malaysia dan tiada agenda khusus akan dibincangkan dalam pertemuan dengan pemimpin kanan negara.

"Sebagai seorang yang begitu berkait rapat dengan hubungan di antara Malaysia dan Singapura, Lee ingin melihat sendiri apa yang berlaku di negara ini dalam tempoh sedekad lalu supaya beliau lebih menghargai perubahan yang berlaku," katanya.

Syed Hamid berkata, lawatan itu juga bagi membolehkan pemimpin kanan kedua-dua negara memperbaharui hubungan baik sesama mereka serta mengadakan perbincangan terbuka berhubung pelbagai perkara.

Katanya, lawatan itu adalah satu lagi petunjuk bahawa hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura adalah kukuh walaupun kadangkala wujud perselisihan faham.

"Kita tentunya mengalu-alukan sebarang persefahaman dan kesepakatan yang terhasil daripada perbincangan itu," katanya.

Lawatan itu adalah lawatan pertama Lee ke Malaysia sejak beliau melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Singapura yang dipegangnya selama 31 tahun pada tahun 1990.

Beliau dijadual menghadiri jamuan makan bersama Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, malam ini sebelum membuat kunjungan hormat ke atas Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

(END)